

**PERANAN NGO SEBAGAI SISTEM SOKONGAN PEMBANGUNAN  
KELUARGA ISLAM GOLONGAN OKU PENDENGARAN: SATU TINJAUAN  
RINGKAS**  
***THE ROLE OF NGO AS A SUPPORT SYSTEM FOR THE DEVELOPMENT OF  
ISLAMIC FAMILIES FOR THE HEARING DISABLED: A BRIEF OVERVIEW***

\*Nur Dayana Mohd Khalil,<sup>1</sup> Azizah Mohd Rapini,<sup>2</sup> Zanariah Dimon,<sup>3</sup> Nora'inan Bahari,  
<sup>4</sup> Nawal Sholehuddin,<sup>5</sup> Nurhidayah Muhammad Hashim<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Pelajar Pascasiswazah Sarjana Syariah Undang-undang Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 21mt21005@student.kuis.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), azizah@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), zanariah@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), norainan@kuis.edu.my

<sup>5</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), nawal@kuis.edu.my

<sup>6</sup> Profesor Madya, Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), nurhi923@uitm.edu.my

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 11 April 2023

| Selepas Pembetulan: 10 Mei 2023

| Diterima untuk terbit: 29 Mei 2023

**Abstrak**

Penyertaan golongan OKU pendengaran dalam sebarang program berkaitan pembangunan kekeluargaan Islam adalah sangat terhad dan terbatas termasuk penyertaan mereka dalam kursus pra dan pasca perkahwinan disebabkan kurangnya kemudahan untuk menyertai program-program berkaitan. Komitmen dan penyertaan OKU pendengaran dalam program-program tersebut banyak bergantung kepada inisiatif dan kerjasama pihak badan bukan kerajaan (NGO) sama ada NGO yang terlibat dengan OKU pendengaran secara langsung atau tidak langsung. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan mengenalpasti peranan NGO sebagai sistem sokongan kekeluargaan Islam bagi golongan OKU pendengaran dan mengenalpasti NGO-NGO yang berperanan memberikan pendedahan atau program-program kekeluargaan kepada golongan OKU pendengaran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif lapangan melibatkan metode pengumpulan data melalui perbincangan meja bulat (*Round Table Discussion/RTD*) melibatkan informan yang terdiri daripada wakil NGO OKU, ahli akademik, wakil Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai penggubal MBKPPI, wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat dan wakil Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Kajian mendapati badan-badan NGO memainkan peranan yang sangat penting membantu kerajaan dan golongan OKU pendengaran sendiri dalam usaha meningkatkan kualiti insitituti kekeluargaan Islam golongan tersebut melalui program-program yang sesuai.

**Kata kunci**

NGO, sistem sokongan, kekeluargaan Islam, OKU pendengaran

**Abstract**

*The participation of hearing impaired people in any program related to Islamic family development is very limited and limited, including their participation in pre- and post-marriage courses due to the lack of facilities to participate in related programs. The commitment and participation of the hearing impaired in the programs depends a lot on the initiative and cooperation of non-governmental organizations (NGOs) whether NGOs are involved with the hearing impaired directly or indirectly. Therefore, this study aims to identify the role of NGOs as a support system for the disabled in the development of Muslim families among them. This study is a qualitative field study involving the method of data collection through a round table discussion (Round Table Discussion/RTD) involving informants consisting of representatives of NGOs with disabilities, academics, representatives of the State Religious Affairs Department, representatives of the Islamic Development Department of Malaysia as drafters of MBKPPI, representatives of the Social Welfare Department and representatives of the National Population and Family Development Board (LPPKN). The study found that NGOs play a very important role in helping the government and the hearing impaired themselves in an effort to improve the quality of Islamic family institutions for the group through appropriate programs.*

**Keywords**

*NGO, support system, Islamic family, hearing disable*

**1.0 Pengenalan**

Islam berpegang bahawa taraf seseorang individu itu sangat mulia dan tidak perlu dibezakan berdasarkan rupa dan kecantikan fizikal, atau kelebihan pangkat, status, harta benda atau darah. Selagi bergelar manusia, dia masih mempunyai maruah yang perlu dijaga dan dihormati oleh semua orang, walaupun rupa fizikal dan mentalnya berbeza dengan golongan normal.

Penghormatan yang perlu diberikan mestilah adil dan saksama, tidak kira bangsa, umur, jantina dan sebagainya. Orang tua perlu dihormati dan disayangi, orang muda perlu disayangi dan dikasihi. Inilah yang Islam ajar sejak sekian lama, dan mudah memahami Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai orang yang tidak sempurna badan dan cacat anggota badan. Hal ini bertepatan dengan pengiktirafan yang telah Allah berikan dalam surah al Isra' ayat 70 berkaitan kedudukan manusia yang bermaksud:

*'Sesungguhnya Kami telah memuliakan kedudukan anak-anak Adam dan Kami angkat mereka di darat dan di laut dan Kami beri mereka rezeki yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka ke atas banyak makhluk yang Kami ciptakan dengan kelebihan yang sempurna'*

Secara umumnya, OKU dapat difahami bahawa manusia yang tidak sempurna tubuh badan sama ada dari segi fizikal mahupun mental. Walaubagaimana pun, golongan OKU ini masih sebahagian daripada masyarakat yang mempunyai perasaan, kasih sayang, emosi, kepintaran, bakat dalam pelbagai bidang sama seperti golongan normal. Sehubungan dengan itu, setiap manusia perlu memberikan layanan yang baik terhadap golongan OKU agar mereka tidak berasa tersisih daripada masyarakat. Bagi menggalakkan penyertaan golongan OKU pendengaran terhadap program-program

pembangunan keluarga yang melibatkan OKU pendengaran, pihak badan bukan kerajaan (NGO) juga merupakan salah satu pihak yang bertanggungjawab untuk memberikan pendedahan kepada golongan OKU tersebut.

## 2.0 Permasalahan Kajian

Pendidikan perkahwinan merupakan satu bentuk bekalan maklumat yang direka untuk membantu individu dan pasangan bagi mencapai kejayaan dan kebahagiaan dalam perkahwinan (Ooms, 2005) dan dalam masa yang sama untuk mengurangkan kadar perceraian (Ohem & Anderson, 2004). Kebanyakan program pendidikan perkahwinan adalah berorientasikan ke arah pencegahan yang menyeluruh di mana pencegahan yang disasarkan kepada pasangan yang bukan hanya yang mengalami tekanan tetapi objektifnya adalah untuk mencegah masalah dengan memperkukuhkan kemahiran-kemahiran hubungan pasangan (Blanchard et al., 2009).

Golongan OKU merupakan golongan minoriti yang mempunyai hak untuk hidup secara harmoni dan aman sama seperti golongan normal. Mereka juga mempunyai keinginan untuk mendirikan rumah tangga dan membina sebuah keluarga yang bahagia. Sehubungan dengan itu, tiada modul atau panduan khusus yang disediakan kepada golongan OKU dalam menguruskan rumah tangga sebagai rujukan mereka. Golongan OKU juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah dalam perkahwinan seperti golongan normal. Bagi mengurus masalah rumah tangga yang dihadapi oleh golongan OKU khususnya OKU pendengaran, mereka memerlukan satu badan yang membantu mereka mendapatkan bantuan dan sokongan dari segi fizikal dan emosi.

Di Malaysia, Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) telah digubal oleh Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sebagai salah satu usaha untuk memberikan pendidikan perkahwinan kepada golongan yang bakal berkahwin. Walaubagaimana pun, berdasarkan persidangan Ketua Pendaftar Nikah, Cerai Rujū' seluruh Malaysia kali ke 39/2018 telah memberikan pengecualian kepada golongan OKU daripada mengikuti kursus pra perkahwinan tersebut termasuklah OKU pendengaran. Implikasinya, golongan OKU pendengaran menghadapi masalah dalam menguruskan tekanan emosi dan kekurangan sistem sokongan dalam pembangunan keluarga Islam di kalangan golongan tersebut (Azman, Norfatimah Amlin, Mohamad Anwar & Mursyid Junaidi, 2020). Golongan OKU tidak terlepas daripada masalah keluarga, walaupun masalah mereka berbeza dengan kumpulan biasa (Afiqah, 2021). Masalah keluarga yang dihadapi oleh OKU termasuklah masalah komunikasi antara pasangan khususnya pasangan kurang upaya pendengaran dan kesukaran memahami ilmu kekeluargaan Islam (Afiqah, 2021). Golongan OKU juga memerlukan sistem sokongan keluarga untuk membantu golongan ini menangani konflik keluarga dalam pelbagai cara (Nawal, 2022). Sistem sokongan keluarga di sini merujuk kepada sistem holistik yang memberi sokongan kepada keluarga dalam menyelesaikan pertelingkahan keluarga terutama apabila pertikaian itu melibatkan isu perundangan (Mohd Arshad, 2017). Orang kurang upaya boleh dibantu untuk menguruskan masalah, terutamanya dalam keluarga, melalui sistem sokongan sedia ada. Oleh yang demikian, *Non-Governmental Organization* (NGO) berperanan untuk memberikan kesedaran dan pendedahan kepada golongan OKU pendengaran sebagai sistem sokongan pembangunan keluarga Islam.

### 3.0 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan NGO sebagai sistem sokongan kekeluargaan Islam bagi golongan OKU pendengaran dan mengenalpasti NGO-NGO yang berperanan memberikan pendedahan atau program-program kekeluargaan kepada golongan OKU pendengaran.

### 4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini mengguna pakai pendekatan kajian kualitatif dan data diperolehi melalui kaedah dokumentasi, perpustakaan serta temubual bersama beberapa orang pakar. Antara pihak-pihak yang terlibat dalam temu bual ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan wakil pertubuhan/badan bukan kerajaan (NGO) OKU.

### 5.0 Dapatan Kajian

Golongan OKU khususnya OKU pendengaran dalam membentuk sebuah keluarga yang harmoni perlu diberi bantuan dan sokongan, NGO juga berperanan dalam membantu golongan tersebut supaya mendapat pendedahan terhadap ilmu kekeluargaan melalui program-program yang dianjurkan. Antara inisiatif NGO terhadap golongan OKU pendengaran ini adalah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri untuk menganjurkan kursus pra perkahwinan kepada mereka yang mendapat pengecualian. Golongan OKU pendengaran juga mahukan ilmu perkahwinan sebagai persediaan sebelum mendirikan rumah tangga. NGO akan melaksanakan kursus pra perkahwinan ini kepada golongan OKU pendengaran sekiranya terdapat permintaan daripada mereka. Menurut informan

“Sebenarnya, JAWI telah melaksanakan kursus kepada golongan ini, kita itu hari buat kerjasama dengan persatuan dia lah. Ada pernah dibuat. Jadi maknanya bersama dengan persatuan itu, kemudian dia kumpul ahli-ahli dia dan penyampaian pun semua melalui kaedah yang digunapakai oleh mereka lah. Jadi kursus itu pernah dibuat lah.” (Informan 2, 11 April 2022, 54:35)

“Untuk OKU pekak setakat ni kerjasama kita dengan Persatuan OKU pekak sebelum ni adalah program pra perkahwinan so kita kebanyakannya kerjasama dengan NGO-NGO OKU” (Informan 3, 12 April 2022, 1:43:36)

NGO-NGO juga banyak menerima geran-geran dari pihak kerajaan untuk memberikan sokongan terhadap golongan OKU. Antara NGO yang diberikan geran khususnya menguruskan OKU pendengaran ialah *Malaysia Federation Of The Deaf (MFD)* (Persatuan Orang Pekak Malaysia) dan *National Society For The Deaf Malaysia (NSD)* (Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia). Informan juga memberitahu bahawa di bawah *MFD* terdapat satu NGO yang terlibat dengan OKU pendengaran iaitu Persatuan Orang Pekak Muslim Malaysia (PRISMA). Menurut informan

“Dari segi geran kepada persatuan pula, kita juga banyak meluluskan geran-geran kepada NGO-NGO kalau spesifiknya kepada OKU pekak ni, kita ada bagi geran kepada MFD tiap tahun dan satu lagi NSD Persatuan Kebangsaan Pekak Malaysia itu yang spesifik lah, yang saya difahamkan MFD ni satu payung NGO yang dibawahnya banyak persatuan-persatuan OKU pekak bernaung di bawah mereka.” (Informan 3, 11 April 2022, 1:06:047)

“Sebenarnya, di bawah MFD, dia ada PRISMA, Persatuan Orang Pekak Muslim Malaysia” (Informan 1, 11 April 2022, 1:10:04)

Melalui usaha pihak NGO ini dapat memberikan pendedahan kepada golongan OKU pendengaran berkaitan dengan ilmu kekeluargaan akibat daripada pengecualian daripada mengikuti kursus pra perkahwinan. Ilmu perkahwinan ini juga penting kepada golongan OKU pendengaran bagi membentuk sebuah keluarga yang harmoni. Program-program yang dianjurkan oleh pihak NGO kepada golongan tersebut merupakan satu bentuk sokongan yang perlu diteruskan dan ditambah baik mengikut keperluan OKU pendengaran dari semasa ke semasa.

Penulisan ini juga mencadangkan bahawa lebih banyak lagi program-program berkaitan ilmu kekeluargaan yang dianjurkan kepada golongan tersebut. Hal ini adalah penting untuk memastikan bahawa mereka mempunyai ilmu perkahwinan dalam menguruskan rumah tangga. Sehubungan dengan itu, golongan OKU pendengaran juga tidak terlepas daripada konflik rumah tangga seperti golongan tipikal. Penceraian juga berlaku dalam perkahwinan golongan OKU pekak, Afiqah Mustapa (2021) yang menyatakan bahawa terdapat enam punca penceraian berlaku di kalangan pasangan OKU pekak. Antaranya ialah masalah komunikasi yang dihadapi oleh pasangan golongan OKU pekak ini. Komunikasi yang baik antara suami isteri memainkan peranan yang sangat penting dalam hal ini bagi mencegah berlakunya keretakan rumah tangga (Marziah, Rahman, Nor Ba'iah dan Salina, 2018). Masalah komunikasi juga selalu berlaku antara pasangan OKU yang bernikah dengan pasangan normal. Ini kerana pasangan itu tidak belajar dan tidak faham bahasa isyarat yang digunakan oleh OKU pekak (Abdullah, 2017). Masalah akan berlaku juga jika pasangan OKU pekak ini tidak menggunakan bahasa isyarat yang serupa. Sebagai contoh, pasangan OKU pekak menggunakan bahasa isyarat yang berlainan sumber yang menjurus kepada masalah komunikasi. Apabila komunikasi tidak berkesan, akan berlaku salah faham antara pasangan. Golongan OKU pekak juga kurang diberi pencerahan berkaitan Undang-undang Keluarga Islam. Kajian ini membuktikan pasangan golongan OKU pekak juga menghadapi masalah rumah tangga tetapi kes perceraian di Mahkamah Syariah amat kurang ini kerana mereka tidak datang ke mana-mana jabatan untuk membuat aduan. OKU pekak tidak mempunyai pengetahuan berkenaan ilmu perkahwinan dan perundangan sehinggakan terdapat pasangan OKU yang tidak duduk bersama dan terputus hubungan dalam jangka masa yang lama (Afiqah, Zaini Nasohah & Zuliza Kusrin, 2021).

Oleh itu, setiap NGO berperanan secara langsung atau tidak untuk memberikan sokongan terhadap pembangunan keluarga Islam golongan OKU pendengaran bagi memastikan golongan OKU dapat hak seperti golongan tipikal. Antara sokongan yang boleh diberikan kepada golongan OKU ialah menyediakan kursus-kursus atau program

yang memberi pendedahan kepada golongan OKU tentang ilmu rumah tangga. Selain itu, NGO berperanan untuk memberikan maklumat kepada golongan OKU mengenai agensi-agensi lain yang terlibat dalam memberi sokongan kekeluargaan kepada mereka seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), badan kaunseling yang diiktiraf dan sebagainya. Kebanyakan golongan OKU khususnya OKU pendengaran mendapatkan maklumat melalui perkongsian maklumat pihak NGO kepada mereka. Dengan itu, peranan NGO sangat penting dalam membantu golongan OKU pendengaran dalam pembangunan keluarga.

## 6.0 Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa setiap NGO memainkan peranan yang penting dalam memberikan sokongan kepada golongan OKU khususnya OKU pendengaran dalam pembangunan keluarga mereka. Kebanyakan NGO terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan golongan OKU pendengaran tidak diabaikan daripada mendapatkan sokongan berkaitan pembangunan keluarga seperti menganjurkan kursus pra perkahwinan kepada OKU pendengaran agar golongan tersebut didedahkan dengan ilmu perkahwinan. Hal ini adalah penting supaya golongan OKU pendengaran juga mendapatkan hak sokongan kekeluargaan seperti golongan normal. Justeru, kajian ini merumuskan bahawa NGO juga merupakan salah satu sistem sokongan pembangunan keluarga Islam bagi golongan OKU pendengaran.

## Penghargaan

Pihak kumpulan penyelidik kajian ini ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi di atas anugerah Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) bagi tahun 2021 hingga 2023 yang diberikan dan penajaan sumber kewangan kepada kajian kami bertajuk Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Mesra OKU Sebagai Sistem Sokongan Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam (FRGS/1/2021/SSI0/KUIS/02/4). Semoga sokongan dan penajaan yang diamanahkan dapat memberikan impak yang besar kepada sistem sosial negara terutama dari aspek kestabilan institusi kekeluargaan sama ada dalam kalangan golongan tipikal normal mahu pun golongan OKU.

## 7.0 Rujukan

- Akta Orang Kurang Upaya, 2008.
- Afiqah Mustapa et al. (2021). *Faktor Pembubaran Perkahwinan di antara Pasangan OKU Pendengaran Di Mahkamah Syariah Negeri Melaka*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol 5, 51-60.
- Abdullah Yusoff (2014). *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azman Ab Rahman et al. 2020. *Munakahat Issues Among People With Hearing Disability*. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol. 4 (1), 1-10.

- Blanchard, V.L., Hawkins, A.J., Baldwin, S.A., & Fawcett E.B. (2009). *Investigating the effects of marriage and relationship education on couples' communication skills: A meta-analytic study*. *Journal of Family Psychology*, 23(2), 203-214.
- Marziah, Rahman, Nor Ba'ayah dan Salina (2018). *Pengukuran dan Peramal Perkahwinan Berkualiti*. *Journal of Education and Social Sciences*, Vol.9 Issue 1.
- Nubailah Yusof et al. (2014). *Kefahaman dan Keperluan Pendidikan Perkahwinan di Malaysia*. *Ulum Islamiyyah Journal*. Vol 12, 73-86.
- Olson, D.H., Fourier, D. H., & Druckman, J.M. (1996). *PREPARE*. Minneapolis, MN: Life Innovation. <http://www.lifeinnovations.com> (dicapai pada 23 Ogos 2022)
- Ooms, T. (2005). *The New Kids On The Block: What is Marriage Education And Does It Work?*. Centre for Law and Social Policy.
- Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Puan Adibah Haji Muhammad Rivai, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak. Pada 12 April 2022. Jam 10.00 pagi.
- Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Datin Siti Muhibah Binti Hj. Nor, Wakil NGO OKU. Pada 11 April 2022. Jam 11 pagi.
- Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Dr. Norakyairee Mohd Raus Pengarah, Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (Umami) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim). Pada 12 April 2022. Jam 10 pagi.
- Temubual secara *Round Table Discussion* dalam talian bersama Tuan Fauwaz Bin Hasbullah, Pengarah, Bahagian Kesejahteraan Keluarga Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Negara. Pada 12 April 2022. Jam 10.30 pagi.